

MALAYSIA

**DR. 6 TAHUN 2018
DIPERINTAH OLEH DEWAN RAKYAT UNTUK DICETAK
16 OGOS 2018**

**PENYATA
JAWATANKUASA DEWAN
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

Dikemukakan oleh :

**YANG BERTHORMAT
DATO' MOHAMAD ARIFF BIN MD YUSOF
TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT**

**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA DEWAN
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
BIL. 1 TAHUN 2018**

Tarikh : 15 Ogos 2018
Masa : 1.15 Petang
Tempat : Bilik Jawatankuasa 2
Blok Utama
Parlimen Malaysia

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

YANG HADIR

Yang Berhormat Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof - Pengerusi
Yang di-Pertua Dewan Rakyat (Pengerusi)

Yang Berhormat Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin
Ahli Parlimen Sepang; merangkap
Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang)

Yang Berhormat Puan Nurul Izzah binti Anwar
Ahli Parlimen Permatang Pauh

Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng
Ahli Parlimen Lanang

Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Othman Said
Ahli Parlimen Pengerang

Yang Berhormat Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man
Ahli Parlimen Kubang Kerian

Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah
Setiausaha Dewan Rakyat – sebagai Setiausaha di bawah
Peraturan Mesyuarat 83(8)

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

Yang Berhormat Dato' Johari bin Abdul
Ahli Parlimen Sungai Petani

TURUT HADIR

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Rashid bin Hasnon
Ahli Parlimen Batu Pahat; merangkap
Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat I

Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming
Ahli Parlimen Teluk Intan; merangkap
Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat II

Encik Mohd Zharif Shafiq bin Badrul
Pegawai Khas Undang-Undang; mewakili
Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang)

Jabatan Peguam Negara

YBhg. Datin Rozita binti Ramli
Timbalan Penggubal Undang-Undang Parlimen II

Encik Amir Affendy bin Hamzah
Penolong Kanan, Penggubal Undang-Undang Parlimen

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Encik Jaya Gopan A/L Ramasamy
Timbalan Pengarah Kanan, Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Dasar

Encik Yusrizal bin Ahmad
Timbalan Pengarah, Bahagian Perkhidmatan

Kementerian Kewangan

Encik Suhaili bin Ahmad
Setiausaha Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi

**Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan,
Jabatan Perdana Menteri**

Encik Nizam Mydin bin Bacha Mydin
Ketua Penolong Setiausaha (Urusan Parlimen)

Parlimen Malaysia

Tuan Haji Ali Zulfakar bin Zainal Abidin
Setiausaha Sulit Kanan Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Encik Wan Zainul Azamin bin Khamid @ Abd. Majid
Penasihat Undang-Undang I

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan
Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat

Encik Shaharзад bin Yusof
Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat

Encik Norzulhilmi bin Nozir Ahmad
Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat

MINIT MESYUARAT

1.0 PERUTUSAN YANG BERHORMAT DATO' Pengerusi

- 1.1 Yang Berhormat Dato' Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih atas kehadiran Ahli-Ahli Yang Berhormat pada Mesyuarat Jawatankuasa Dewan yang pertama bagi tahun 2018, dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Yang Keempat Belas.
- 1.2 Yang Berhormat Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa selaras dengan tanggungjawab Jawatankuasa Dewan seperti yang termaktub dalam Peraturan Mesyuarat 79, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Jawatankuasa ini juga akan mengkaji dan meneliti perkara-perkara yang melibatkan transformasi Parlimen bagi mengembalikan wibawa institusi Parlimen.
- 1.3 Yang Berhormat Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa dalam usaha-usaha ke arah mengembalikan wibawa institusi Parlimen, tujuan mesyuarat hari ini adalah untuk meneliti dan membincangkan mengenai cadangan untuk mewujudkan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas, Parlimen Keempat Belas.

2.0 EDARAN DOKUMEN

Dokumen berikut diedarkan semasa mesyuarat: Kertas Cadangan Untuk Mewujudkan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Keempat Belas seperti di **LAMPIRAN A.**

3.0 PERBINCANGAN

- 3.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas yang dilantik dengan perintah Majlis adalah tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat 81(1), Peraturan-Peraturan Majlis

Mesyuarat Dewan Rakyat. Jawatankuasa ini hendaklah mengandungi siapa-siapa ahli yang dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih.

3.2 Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas ini tidak melibatkan pindaan terhadap peraturan mesyuarat dan bersifat *case by case basis* iaitu mengikut keperluan semasa suatu Majlis Mesyuarat itu.

3.3 Mesyuarat mengambil maklum bahawa senarai Jawatankuasa Pilihan Khas yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- i) Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang (*Special Select Committee for Consideration of Bills*);
- ii) Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet (*Special Select Committee on Budget*);
- iii) Jawatankuasa Pilihan Khas Ekonomi (*Special Select Committee on Economy*);
- iv) Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi (*Special Select Committee on Rights*);
- v) Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Rasuah (*Special Select Committee on Corruption*);
- vi) Jawatankuasa Pilihan Khas Pendidikan (*Special Select Committee on Education*);
- vii) Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan (*Special Select Committee on Health*);
- viii) Jawatankuasa Pilihan Khas Pertahanan dan Hal Ehwal Dalam Negeri (*Special Select Committee on Defence and Home Affairs*);
- ix) Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Luar Negeri (*Special Select Committee on Foreign Affairs*);
- x) Jawatankuasa Pilihan Khas Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (*Special Select Committee on Science, Technology and Environment*);

- xi) Jawatankuasa Pilihan Khas Infrastruktur dan Komunikasi (*Special Select Committee on Infrastructure and Communications*);
- xii) Jawatankuasa Pilihan Khas Kerjasama Antara Negeri-Negeri Persekutuan (*Special Select Committee on Federal State Relations*);
- xiii) Jawatankuasa Pilihan Khas Petisyen dan Hal Ehwal Awam (*Special Select Committee on Petitions and Public Affairs*);
- xiv) Jawatankuasa Pilihan Khas Tenaga Manusia dan Kebajikan (*Special Select Committee on Labour and Welfare*);
- xv) Jawatankuasa Pilihan Khas Pelancongan, Budaya, Belia dan Sukan (*Special Select Committee on Tourism, Culture, Youth and Sports*);
- xvi) Jawatankuasa Pilihan Khas Pertanian (*Special Select Committee on Agriculture*);
- xvii) Jawatankuasa Pilihan Khas Kesaksamaan Gender (*Special Select Committee on Gender Equality*); dan
- xviii) Jawatankuasa Pilihan Khas Untuk Melantik Jawatan-Jawatan Utama Perkhidmatan Awam (*Special Select Committee on Major Public Appointments*).

4.0 SYOR JAWATANKUASA

- 4.1 Mesyuarat bersetuju agar hanya enam Jawatankuasa Pilihan Khas yang ditubuhkan buat masa ini sebagai perintis yang dipilih berdasarkan kepentingan dan hala tuju Negara.
- 4.2 Mesyuarat bersetuju dengan cadangan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas seperti berikut:
 - i) Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang (*Special Select Committee for Consideration of Bills*);
 - ii) Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet (*Special Select Committee on Budget*);

- iii) Jawatankuasa Pilihan Khas Pertahanan dan Hal Ehwal Dalam Negeri (*Special Select Committee on Defence and Home Affairs*);
- iv) Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi dan Kesaksamaan Gender (*Special Select Committee on Rights & Gender Equality*);
- v) Jawatankuasa Pilihan Khas Hubungan Antara Negeri-Negeri Persekutuan (*Special Select Committee on Federal State Relations*); dan
- vi) Jawatankuasa Pilihan Khas Untuk Melantik Jawatan-Jawatan Utama Perkhidmatan Awam (*Special Select Committee on Major Public Appointments*).

4.3 Mesyuarat bersetuju agar terma rujukan bagi Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas ini hendaklah mengandungi perkara-perkara seperti berikut:

- i) Tujuan penubuhan;
- ii) Keanggotaan – 7 orang ahli termasuk Pengerusi; dan
- iii) Tempoh pelantikan selama 2 tahun atau 2 penggal.

4.4 Mesyuarat bersetuju bahawa selaras dengan penubuhan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas yang telah disyorkan, pihak yang bertanggungjawab seperti Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan dipohon untuk mempertimbangkan pertambahan sumber-sumber yang berkaitan seperti tenaga kerja dan peruntukan kewangan yang sewajarnya bagi memastikan jawatankuasa-jawatankuasa ini dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.

5.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Yang Berhormat Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dan semua yang hadir.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.57 petang.

LAMPIRAN A

CADANGAN UNTUK MEWUJUDKAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

TUJUAN

1. Cadangan untuk mewujudkan Jawatankuasa Pilihan Khas adalah bagi mengukuhkan lagi urusan perjalanan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

LATAR BELAKANG

2. Peraturan Mesyuarat 76 sehingga 80 memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan. Pada masa kini terdapat 5 Jawatankuasa Pilihan di bawah Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat iaitu:

- i) Jawatankuasa Pemilih;
- ii) Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara;
- iii) Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat;
- iv) Jawatankuasa Dewan; dan
- v) Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Kelima-lima Jawatankuasa yang telah dinyatakan ini adalah Jawatankuasa Pilihan yang telah termaktub di dalam Peraturan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Bagi penambahan Jawatankuasa Pilihan, Jawatankuasa Dewan perlu menimbang dan menetapkan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan yang hendak ditubuhkan serta menentukan terma rujukan. Seterusnya syor dan cadangan Jawatankuasa Dewan ini akan diangkat untuk diputuskan oleh Majlis Mesyuarat sebelum dibawa kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat untuk **pindaan** peraturan-peraturan mesyuarat yang berkaitan.

CADANGAN PENGWUJUDAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS

3. Selain daripada Jawatankuasa Pilihan, Peraturan Mesyuarat 81 Peraturan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat juga memperuntukkan penubuhan **Jawatankuasa Pilihan Khas** yang dilantik dengan perintah Majlis dan tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat 81(1). Jawatankuasa ini hendaklah mengandungi siapa-siapa ahli yang dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih. Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas ini tidak melibatkan pindaan terhadap peraturan-peraturan mesyuarat.

Jawatankuasa ini bersifat *case by case basis* iaitu mengikut keperluan semasa suatu Majlis Mesyuarat itu. Bersesuaian dengan kehendak dan keperluan semasa, dicadangkan beberapa Jawatankuasa Pilihan Khas untuk ditubuhkan bagi mengukuhkan lagi urusan perjalanan Majlis Mesyuarat seperti berikut:

- i) Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang (*Special Select Committee for Consideration of Bills*);
- ii) Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet (*Special Select Committee on Budget*);
- iii) Jawatankuasa Pilihan Khas Ekonomi (*Special Select Committee on Economy*);
- iv) Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi (*Special Select Committee on Rights*); dan
- v) Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Rasuah (*Special Select Committee on Corruption*).

- vi) Jawatankuasa Pilihan Khas Pendidikan (*Special Select Committee on Education*);
- vii) Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan (*Special Select Committee on Health*);
- viii) Jawatankuasa Pilihan Khas Pertahanan dan Hal Ehwal Dalam Negeri (*Special Select Committee on Defence and Home Affairs*);
- ix) Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Luar Negeri (*Special Select Committee on Foreign Affairs*);
- x) Jawatankuasa Pilihan Khas Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (*Special Select Committee on Science, Technology and Environment*);
- xi) Jawatankuasa Pilihan Khas Infrastruktur dan Komunikasi (*Special Select Committee on Infrastructure and Communications*);
- xii) Jawatankuasa Pilihan Khas Kerjasama Antara Negeri-Negeri Persekutuan (*Special Select Committee on Federal State Relations*);
- xiii) Jawatankuasa Pilihan Khas Petisyen dan Hal Ehwal Awam (*Special Select Committee on Petitions and Public Affairs*);
- xiv) Jawatankuasa Pilihan Khas Tenaga Manusia dan Kebajikan (*Special Select Committee on Labour and Welfare*);
- xv) Jawatankuasa Pilihan Khas Pelancongan, Budaya, Belia dan Sukan (*Special Select Committee on Tourism, Culture, Youth and Sports*);

- xvi) Jawatankuasa Pilihan Khas Pertanian (*Special Select Committee on Agriculture*);
- xvii) Jawatankuasa Pilihan Khas Kesaksamaan Gender (*Special Select Committee on Gender Equality*); dan
- xviii) Jawatankuasa Pilihan Khas Untuk Melantik Jawatan-Jawatan Utama Perkhidmatan Awam (*Special Select Committee on Major Public Appointments*).

i) **Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang**
(Special Select Committee for Consideration of Bills)

Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi mengkaji dan meneliti polisi dan dasar Kerajaan yang diperuntukkan dalam suatu Rang Undang-Undang yang dicadangkan untuk dibentangkan di dalam Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Ini bermaksud apa-apa Rang Undang-Undang yang telah difikirkan suai manfaat dan perlu untuk dikaji dan diteliti terlebih dahulu dengan lebih mendalam dan terperinci hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Menimbang Rang Undang-Undang sebelum dibentangkan di dalam Majlis Mesyuarat.

Jawatankuasa mempunyai kuasa untuk memanggil mana-mana orang di hadapannya dari satu masa ke satu masa bagi maksud penelitian dan kajian terhadap suatu Rang Undang-Undang itu. Ini kerana terdapat keperluan bagi Jawatankuasa untuk bersidang mengikut ahli dan turut dihadiri oleh orang yang mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam hal perkara suatu Rang Undang-Undang itu.

Jawatankuasa kemudiannya akan mengemukakan laporan beserta apa-apa cadangan atau pindaan untuk dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat semula bagi maksud dibentangkan selanjutnya.

ii) **Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet (*Special Select Committee on Budget*)**

Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk meneliti dan membincangkan apa-apa perkara yang berbangkit daripada Rang Undang-undang Perbekalan sebelum ianya dibentangkan dan dibahaskan dalam Majlis Mesyuarat.

Ini bagi maksud sesuatu hal kewangan dan peruntukan dalam Rang Undang-undang Perbekalan tersebut dapat diperhalusi dan dikaji terlebih dahulu bagi mengenal pasti isu penting yang hendak diketengahkan di dalam Majlis Mesyuarat. Dengan wujudnya Jawatankuasa ini, masa dapat diijimatkan dan perbahasan di dalam Dewan akan lebih berkualiti.

iii) **Jawatankuasa Pilihan Khas Ekonomi (*Special Select Committee on Economy*)**

Fungsi utama Jawatankuasa Ekonomi adalah mengkaji perubahan ekonomi secara berterusan, mengenal pasti masalah dan prospek, dengan tujuan untuk mengembangkan kerangka dasar ekonomi yang konsisten dan bersepadu bagi negara. Ia juga berfungsi untuk menyelaraskan semua dasar dan aktiviti dalam bidang ekonomi termasuk pelaburan asing yang memerlukan keputusan dasar di peringkat tertinggi.

iv) **Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi (*Special Select Committee on Rights*)**

Jawatankuasa ini berfungsi untuk meneliti setiap Rang Undang-undang Kerajaan dan kesesuaiannya dengan prinsip-prinsip hak asasi pelbagai golongan terutamanya kanak-kanak dan orang kurang upaya. Jawatankuasa ini juga meneliti perkara berkaitan dengan tindak balas Kerajaan terhadap penghakiman mahkamah mengenai hak asasi manusia. Pematuhan serta kewajipan Kerajaan dalam memperkasakan hak asasi manusia hendaklah sentiasa dibela selaras dengan peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang antarabangsa.

v) **Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Rasuah (*Special Select Committee on Corruption*)**

Seksyen 14 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 [Akta 694] memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR). Jawatankuasa ini berperanan untuk menasihati Perdana Menteri mengenai apa-apa aspek masalah rasuah di Malaysia, memeriksa laporan tahunan SPRM, memeriksa ulasan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah tentang perjalanan oleh SPRM di bawah Akta ini dan mendapatkan penjelasan dan penerangan mengenai laporan tahunan SPRM dan ulasan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah. Jawatankuasa Khas ini telah wujud di bawah kuasa Akta 694.

Walau bagaimanapun, selaras dengan hasrat Janji 16, Buku Harapan, Jawatankuasa ini dicadangkan untuk diwujudkan di bawah Majlis Dewan Rakyat bagi memantau perjalanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta memastikan Kerajaan melaksanakan kesemua syor yang pernah dikemukakan demi memperkasakan SPRM serta mewujudkan persekitaran bebas rasuah di Malaysia.

vi) **Jawatankuasa Pilihan Khas Pendidikan (Special Select Committee on Education)**

Jawatankuasa ini berfungsi untuk meneliti Rang Undang-undang, menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Dewan atau Menteri, termasuk apa-apa cadangan, usul, petisyen, laporan atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan bidang pendidikan.

vii) **Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan (Special Select Committee on Health)**

Jawatankuasa ini berfungsi untuk meneliti Rang Undang-undang, menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Dewan atau Menteri, termasuk apa-apa cadangan, usul, petisyen, laporan atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan bidang kesihatan.

viii) **Jawatankuasa Pilihan Khas Pertahanan dan Hal Ehwal Dalam Negeri (Special Select Committee on Defence and Home Affairs)**

Jawatankuasa ini berfungsi untuk meneliti Rang Undang-undang, menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Dewan atau Menteri, termasuk apa-apa cadangan, usul, petisyen, laporan atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan pertahanan dan hal ehwal dalam negeri serta badan awam yang berkaitan, termasuk angkatan tentera dan pihak polis.

ix) **Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Luar Negeri (Special Select Committee on Foreign Affairs)**

Jawatankuasa ini berfungsi untuk meneliti Rang Undang-undang, menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Dewan atau Menteri, termasuk apa-apa cadangan, usul, petisyen, laporan atau dokumen-dokumen lain yang memberi kesan kepada komuniti diplomatik dan yang berkaitan dengan hal ehwal luar negeri.

x) **Jawatankuasa Pilihan Khas Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Special Select Committee on Science, Technology and Environment)**

Jawatankuasa ini berfungsi untuk meneliti Rang Undang-undang, menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Dewan atau Menteri, termasuk apa-apa cadangan, usul, petisyen, laporan atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan penyelidikan dan pembangunan berterusan dalam bidang

sains, teknologi dan alam sekitar seperti kajian mengenai tenaga dan aplikasi komersil teknologi tenaga, sains marin, perkhidmatan meteorologi, angkasa lepas serta projek-projek yang berkaitan.

xi) **Jawatankuasa Pilihan Khas Infrastruktur dan Komunikasi**
(Special Select Committee on Infrastructure and Communications)

Jawatankuasa ini berfungsi untuk meneliti Rang Undang-undang, menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Dewan atau Menteri, termasuk apa-apa cadangan, usul, petisyen, laporan atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan pembangunan infrastruktur dan komunikasi.

xii) **Jawatankuasa Pilihan Khas Kerjasama Antara Negeri-Negeri Persekutuan**
(Special Select Committee on Federal State Relations)

Jawatankuasa ini berfungsi untuk meneliti Rang Undang-undang, menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Dewan atau Menteri, termasuk apa-apa cadangan, usul, petisyen, laporan atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan kerjasama antara Negeri-negeri Persekutuan.

xiii) **Jawatankuasa Pilihan Khas Petisyen dan Hal Ehwal Awam**
(Special Select Committee on Petitions and Public Affairs)

Jawatankuasa ini berfungsi untuk menerima, memproses dan meneliti petisyen serta menyiasat dan melaporkan kepada Dewan

tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengan petisyen, sistem petisyen dan perkara-perkara berkaitan dengan hal ehwal awam.

xiv) **Jawatankuasa Pilihan Khas Tenaga Manusia dan Kebajikan**
(Special Select Committee on Labour and Welfare)

Jawatankuasa ini berfungsi untuk meneliti Rang Undang-undang, menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Dewan atau Menteri, termasuk apa-apa cadangan, usul, petisyen, laporan atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan pasaran buruh, persekitaran kerja, manfaat, pencen, polisi memperkasakan tenaga manusia di kalangan golongan orang kurang upaya serta hal-hal kebajikan.

xv) **Jawatankuasa Pilihan Khas Pelancongan, Budaya, Belia dan Sukan**
(Special Select Committee on Tourism, Culture, Youth and Sports)

Jawatankuasa ini berfungsi untuk meneliti Rang Undang-undang, menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Dewan atau Menteri, termasuk apa-apa cadangan, usul, petisyen, laporan atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan perkembangan budaya, industri pelancongan serta pembangunan belia dan sukan.

xvi) **Jawatankuasa Pilihan Khas Pertanian** **(Special Select Committee on Agriculture)**

Jawatankuasa ini berfungsi untuk meneliti Rang Undang-undang, menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Dewan atau Menteri, termasuk apa-apa cadangan, usul, petisyen, laporan atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan pertanian dan industri asas tani.

xvii) **Jawatankuasa Pilihan Khas Kesaksamaan Gender (*Special Select Committee on Gender Equality*)**

Jawatankuasa ini berfungsi untuk meneliti Rang Undang-undang, menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Dewan atau Menteri, termasuk apa-apa cadangan, usul, petisyen, laporan atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan kesaksamaan gender.

xvii) **Jawatankuasa Pilihan Khas Untuk Melantik Jawatan-Jawatan Utama Perkhidmatan Awam (*Special Select Committee on Major Public Appointments*)**

Jawatankuasa ini berfungsi untuk meneliti pelantikan jawatan-jawatan penting dalam negara seperti pelantikan ke Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman Malaysia bagi mengurangkan campur tangan Eksekutif dalam pelantikan jawatan-jawatan tersebut dan memastikan ianya dilantik berdasarkan merit. Cadangan penubuhan jawatankuasa ini adalah selaras dengan hasrat Janji 16, Buku Harapan.

4. Terma rujukan bagi Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas ini hendaklah mengandungi perkara-perkara seperti berikut:

- i) Tujuan Penubuhan;
- ii) Keanggotaan (dicadangkan 7 orang ahli termasuk Pengerusi); dan
- iii) Tempoh Pelantikan (dicadangkan selama 2 Tahun iaitu 2 Penggal);

IMPLIKASI

5. Cadangan-cadangan bagi penubuhan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas ini memerlukan penambahan peruntukan kewangan dan sumber tenaga manusia yang sewajarnya untuk membolehkan ia berfungsi dengan berkesan.

PENUTUP

6. Cadangan untuk mewujudkan Jawatankuasa Pilihan Khas adalah bagi mengukuhkan lagi urusan perjalanan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Perkara ini adalah diangkat bagi pertimbangan Jawatankuasa Dewan untuk diperhalusi cadangan-cadangannya dalam merealisasikan usaha memperkasakan institusi Parlimen Malaysia.

